

Hanya golongan elit Bumiputera terima manfaat ASB2, kata DAP
Malaysian Insider
Oct 9 , 2013
OLEH MOHD FARHAN DARWIS

DAP mendakwa manfaat Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2) hanya akan dinikmati Bumiputera daripada kalangan elit dan bukannya kumpulan besar Bumiputera Melayu daripada golongan orang kebanyakan.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari (gambar), berkata hanya 40% kumpulan Bumiputera kebanyakan berpendapatan di paras RM1,686 walaupun pelan afirmatif Bumiputera dilaksanakan selama 40 tahun.

"Pengumuman 10 bilion unit ASB2 itu boleh dipersoalkan. Siapa yang menerima pegangan saham terbanyak?"

"Untuk siapa ASB2 itu? Sudah pasti bukan kumpulan Bumiputera Melayu kebanyakan," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sebelum ini mengumumkan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dipertanggungjawabkan untuk melancarkan ASB2 dengan suntikan sebanyak 10 bilion unit saham, bagi memantapkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat.

Zairil berkata, laporan tahunan PNB menunjukkan purata pelaburan Bumiputera adalah RM14,097 seorang pada penghujung 2013.

Jumlah itu bagaimanapun, katanya, apabila dipecahkan mendapati tiga suku pemegang saham unit Bumiputera berkenaan hanya melabur RM611 seorang.

"Hanya kumpulan elit ini yang akan menikmati hasil tambahan 10 bilion ASB2 ini, berbanding mereka yang melabur setakat RM611," katanya. - 9 Oktober, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/hanya-golongan-elit-bumiputera-terima-manfaat-asb2-kata-dap>